

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 26 Julai 2021 11:40
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Prihatin: Santuni Penduduk Terjejas Akibat Pandemik Covid-19



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 JULAI 2021 / 16 ZULHIJAH 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM PRIHATIN: SANTUNI PENDUDUK TERJEJAS AKIBAT PANDEMIK COVID-19



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) bukan hanya menjadi gedung untuk menimba ilmu, sebaliknya turut memainkan peranan dalam masyarakat.

Menyedari pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan penularan Covid-19 memberi impak besar dalam pelbagai sektor, malah ada yang terjejas pendapatan, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah menyantuni keluarga Mohd Azhari Shafie di Sintok, baru-baru ini yang menerima tempias akibat pandemik tersebut.

Naib Canselor berkata, simpati dengan nasib yang menimpa mereka yang terkesan itu telah mendorong pihak universiti untuk menggerakkan usaha membantu menerusi sumbangan dalam bentuk bakul makanan dari Food Bank UUM dan wang tunai.

Menurutnya, penyediaan bakul makanan dari Food Bank UUM telah dibantu Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan bantuan tunai sebanyak RM500 turut dihulur kepada Mohd Azhari yang sedikit sebanyak meringankan bebanan kewangan dia sekeluarga.

"Kita cuba membantu mereka yang terjejas mengikut kemampuan universiti kerana saya sedar ada dalam kalangan mereka sama ada staf mahupun bekas staf yang susah akibat pandemik ini," katanya.

Sementara itu, Mohd Azhari berkata, dia berterima kasih kepada pihak UUM yang prihatin dengan nasibnya terutama di saat dia berdepan kesukaran untuk meneruskan hidup akibat pandemik Covid-19.

Menurutnya, pemberian bakul makanan dan wang tunai itu telah banyak melegakan dia, tambahan pula dia dan isteri telah kehilangan pendapatan sejak pelaksanaan PKP.

Katanya, dia kini hanya mampu berusaha dan berdoa agar pandemik segera berakhir agar mereka dapat meneruskan kehidupan normal tanpa perlu mengharapkan bantuan lagi.

Naib Canselor sebelum ini juga telah menyampaikan bakul makanan kepada staf di Pusat Perkembangan Kanak-kanak Tunku Puteri Intan Safinaz, selain membantu staf UUM yang terjejas akibat pandemik Covid-19.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.